



SERTAI KAMI DAN JADILAH SEBAHAGIAN DARIPADA PELAKSANA TRANSFORMASI PENGURUSAN HARTA INTELEK DI MALAYSIA

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang bertanggungjawab kepada pendaftaran dan pentadbiran sistem harta intelek seperti Cap Dagangan, Paten, Hak Cipta, Reka Bentuk Perindustrian dan Susun Atur Litar Bersepadu di Malaysia.

Misi kami ialah membangun, mempertingkatkan serta menambahbaik infrastruktur perundangan harta intelek dan sistem pentadbiran yang cekap melalui eksploitasi harta intelek (HI).

Seiring dengan kemajuan MyIPO yang dinamik, kami mempelawa warganegara Malaysia yang memenuhi kelayakan dengan penghasilan kerja berprestasi tinggi bagi mengisi kekosongan jawatan di **MyIPO**.

SYARAT-SYARAT ASAS

Kami mempelawa calon-calon yang mempunyai kebolehan seperti berikut:-

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik. Kebolehan menguasai bahasa lain adalah diberi keutamaan;
- Berkebolehan mengendalikan komputer di dalam *word processing*, *spreadsheet* dan *powerpoint*;
- Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif, berkeyakinan tinggi dan kemahiran berkomunikasi di semua peringkat;
- Boleh bekerja sebagai satu pasukan serta boleh melakukan kerja-kerja di bawah penyeliaan yang minimum; dan
- Berkemampuan melakukan pelbagai tugas dalam masa yang ditetapkan dan boleh bekerja di bawah tekanan.

1. PEGAWAI UNDANG-UNDANG – (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Undang-Undang**;
- Menyemak, meneliti dan menyediakan pandangan undang-undang berkaitan pelbagai perjanjian (berkaitan hartanah, teknologi maklumat, komersial dan harta intelek) di antara MyIPO dan agensi swasta luar;
- Menyemak dan meneliti perjanjian-perjanjian yang berkaitan yang berkaitan hartanah, teknologi maklumat, komersial dan harta intelek;
- Membuat kajian bagi sesuatu isu yang memerlukan pertimbangan MyIPO dan Kementerian;
- Menghadiri pengurusan kes dan pendengaran atau bicara mewakili Pendaftar Harta Intelek dan/atau memfailkan tindakan di mahkamah bagi pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia berkaitan tuntutan yang melibatkan isu hartanah, teknologi maklumat, komersial dan harta intelek;
- Membuat laporan tugas kepada Ketua Pengarah dan Penasihat Undang-Undang; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan disahkan oleh Majlis Peguam Malaysia;
- Telah diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*]; dan
- **Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik.**

Permohonan jawatan kosong MyIPO hendaklah melalui pautan berikut <https://kerjaya.myipo.gov.my/login> dan melengkapkan permohonan **selewat-lewatnya sebelum atau pada 18 Februari 2026**.

Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.